

## **BAB 2**

### **Sorotan Kajian**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini akan dibincangkan sorotan literatur tentang kajian-kajian yang berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Tamil. Pelbagai faktor boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Antaranya adalah sikap pelajar, kecerdasan mental, konsep sendiri, taraf sosio-ekonomi, persekitaran dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan membincangkan secara kritis pandangan-pandangan serta dapatan-dapatan penyelidikan lain berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran sesuatu bahasa.

#### **2.2 Sejarah perkembangan Pendidikan Tamil di Malaysia.**

Pembelajaran Bahasa Tamil telah wujud di Tanah Melayu sebelum tahun 1816. Menurut surat khabar 'Tamil Nesan' Munshi Abdullah (1796-1854) telah mempelajari Bahasa Tamil dengan menulis huruf Tamil dengan jarinya di atas pasir. Menurut Munsyi Abdullah lagi, pada masa itu Bahasa Tamil penting kerana Bahasa Tamil menjadi bahasa perhubungan antara penduduk tempatan dengan pedagang- pedagang Tamil yang datang dari India Selatan. Untuk tujuan menjamin masa depan anak mereka, maka ramai ibu bapa mereka hantar anak mereka untuk belajar Bahasa Tamil.(Dass, 1972).

Kaum India di Malaysia merangkumi keturunan Tamil, Telugu, Malayalam dan lain-lain. Walaupun begitu, keturunan Tamil adalah lebih ramai berbanding dengan keturunan Malayalam dan Telugu. Hal ini berlaku kerana , apabila pihak British membawa pekerja dari India peratus keturunan Tamil yang datang ke sini adalah lebih ramai berbanding dengan keturunan lain. ( Lihat jadual di bawah)

**Jadual 8: Peratus kemasukan pekerja India ke Tanah Melayu dari tahun 1844-1941 mengikut keturunan**

<b>Jumlah pekerja</b>	<b>Tamil</b>	<b>Telugu</b>	<b>Malayalee</b>	<b>Lain-lain dari India Selatan</b>	<b>India Utara</b>
2,275,917	85.2%	6.8%	6.4%	0.8%	0.8%

Sumber: Adaptasi R.Santhiram (1999)

Bilangan pekerja keturunan Tamil yang ramai berbanding dengan keturunan lain menyebabkan kelas Bahasa Tamil dan sekolah Tamil didirikan di Tanah Melayu. Pada awalnya, mubaligh Kristian telah mengadakan kelas Bahasa Tamil dengan tujuan untuk menyebarkan agama Kristian secara tidak langsung.

Pada tahun 1834, kelas Bahasa Tamil telah dimulakan di Free School Singapura. Pada tahun 1873 dan 1876, dua buah sekolah telah ditubuhkan iaitu sekolah St.Francis Xavier Malabar School dan Methodist Girl School. Di kedua-dua sekolah ini bahasa Tamil telah diajar (Solaman,1988). Oleh sebab pekerja dari India telah ditempatkan di ladang-

ladang getah, maka dari tahun 1870 sekolah Tamil secara kecil-kecilan telah ditubuhkan di ladang-ladang. (Rajagopal, 1991).

Dalam pada itu, ada juga orang bersendirian yang mendirikan sekolah. Dalam sekolah berkenaan hanya terdapat sebuah bilik darjah dan seorang guru. Sekolah berkenaan terdapat di kawasan perumahan pekerja yang dipanggil sebagai “*Coolice-line atau labour quarters*”. Pekerja hanya mampu menghantar mereka ke sekolah yang serba berkurangan kerana mereka tidak mampu menghantar ke sekolah Inggeris. (Dass, 1972)

Sebelum ini sekolah Tamil ditubuhkan tanpa bantuan kerajaan British. Tetapi selepas tahun 1905, pentadbiran British telah membuat keputusan untuk memberikan pendidikan Tamil kepada anak-anak pekerja India sebagai ganjaran untuk menarik pekerja-pekerja India Selatan yang baru serta untuk mengekalkan pekerja-pekerja India yang sedia ada di Tanah Melayu.

Pengenalan “Labour Code” pada tahun 1923, iaitu setiap pengurus ladang diwajibkan menubuhkan sekolah Tamil jika terdapat lebih dari 10 orang murid antara umur 7 hingga 14 tahun. Keadaan ini mendorong perkembangan sekolah Tamil di Tanah Melayu. Pada tahun 1930, satu perkara penting telah berlaku iaitu, seorang pegawai telah dilantik untuk menyelia sekolah Tamil di Tanah Melayu. (Dass, 1972)

Untuk memantapkan lagi sistem pendidikan Tamil di Tanah Melayu, pihak British telah membawa masuk guru-guru yang mempunyai latihan perguruan dari India untuk mengajar di sekolah Tamil yang berada di ladang-ladang getah. Namun demikian

perangkaan pada tahun 1937 menunjukkan bahawa, hanya 25 peratus daripada 800 orang guru yang mengajar Bahasa Tamil di ladang memiliki Sijil Perguruan (Sundram J.K. 1978).

Selain itu, ada beberapa sekolah Tamil yang telah didirikan oleh persatuan-persatuan Tamil dan mubaligh Kristian atas dasar kepentingan sendiri. Pada tahun 1936 Bahasa Tamil ditingkatkan statusnya dengan penggubalan sukatan pelajaran Bahasa Tamil yang telah diselaraskan di semua sekolah Tamil. Di sini guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Tamil diwajibkan menduduki peperiksaan perguruan bagi memantapkan lagi sistem pengajaran dan pembelajaran.

Pada tahun 1938, terdapat 13 buah sekolah Tamil kerajaan, 511 buah sekolah Tamil di ladang, 23 buah sekolah Tamil yang dikendalikan oleh Mubaligh Kristian dan 60 buah sekolah Tamil telah dikendalikan oleh pihak persendirian. (Solaman,1988). Namun demikian, keadaan pengajaran dan pembelajaran adalah berasaskan kepada negara India. Pada tahun 1941, atas permintaan guru-guru Tamil, latihan perguruan Tamil telah diperkenalkan di pusat-pusat latihan perguruan di Kuala Lumpur.


Semasa pendudukan Jepun iaitu dari tahun 1942 - 1945, kurikulum sekolah Tamil masih diteruskan dengan sedikit penambahan dibuat dalam pengajaran dan pembelajaran dengan memasukkan nyanyian lagu-lagu Jepun dan latihan fizikal. Gaji dibayar oleh pihak Jepun. Pada masa penjajahan Jepun ini, penekanan diberikan dalam kurikulum sekolah Tamil adalah dalam bentuk bacaan, tulisan dan aktiviti-aktiviti lisan. Malah

pekebunan juga ditegaskan sebagai aktiviti tambahan di sekolah-sekolah Tamil.(Dass, 1972)

Selepas pulangnya Jepun, kembalilah sistem pemerintahan British, di Tanah Melayu. Keadaan ini sedikit pun tidak mengubah corak dan struktur sekolah Tamil. Walau bagaimanapun, banyak sekolah Tamil baru telah dibuka. Guru-guru baru yang ditempatkan di sekolah-sekolah Tamil diberi latihan di pusat-pusat latihan perguruan pada hujung minggu selama 3 tahun. Kelayakan memasuki latihan perguruan ialah lulus darjah V.

Untuk memantapkan sistem pendidikan di Tanah Melayu, beberapa laporan telah dikemukakan Walau bagaimanapun, laporan-laporan ini tidak memberi keutamaan kepada pendidikan Bahasa Tamil di Tanah Melayu. Jika meneliti hasil kandungan setiap laporan ini satu kesimpulan dapat dilakukan bahawa laporan - laporan ini telah cuba secara tidak langsung untuk menghapuskan pendidikan Bahasa Tamil di Tanah Melayu. Berikut adalah urutan laporan pendidikan berkenaan.

## LAPORAN-LAPORAN PELAJARAN YANG DIKEMUKAKAN DI TANAH MELAYU SEBELUM MERDEKA



Dalam pada itu, pada tahun 1956, P.P Narayanan iaitu Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Ladang (National Union of Plantation Workers / NUPW) meminta “Federal Legislative Council” untuk memasukkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ke dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah Tamil. Tujuan adalah untuk mengintegrasikan penduduk India dengan keturunan yang lain iaitu Melayu dan Cina. Walau bagaimanapun sukatan pelajaran masih berasaskan negara India.

Keadaan semakin berubah dan satu harapan dapat dilihat terhadap sekolah Tamil. Selepas Parti Perikatan menang dalam pilihanraya pada tahun 1955, pendidikan menjadi

matlamat penting. Dato' Abdul Razak telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran Tanah Melayu. Dengan bantuan 15 orang ahli legislatif, beliau telah mengkaji sistem pendidikan di Tanah Melayu. Selepas kemunculan Laporan Razak pada tahun 1956, sekolah Tamil telah memasuki era baru. Laporan Razak memberi peluang kepada kaum India untuk terus belajar bahasa Tamil di Tanah Melayu.

*“Instructions in Tamil and Mandarin shall be available in all primary school, maintained in whole or in part from public funds, when the parents of fifteen children from any one school requests that instructions should be given in either of these languages”*

*(Laporan Razak, 1956)*

Laporan Razak memberi nafas baru kepada kaum India di Tanah Melayu. Harapan mereka untuk mempelajari bahasa ibunda menjadi kenyataan. Boleh dikatakan Sekolah Tamil menjadi lambang bangsa dan kebudayaan orang India di Tanah Melayu mahupun Malaysia. Bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar di sekolah Tamil. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menjadi salah satu mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah Tamil.

Dalam pada itu, di peringkat sekolah menengah ada cubaan untuk mendirikan sekolah menengah Tamil. Cubaan ini telah dilakukan pada tahun 1954-1955 oleh Reverend Charles di Taiping, Perak.(Dass, 1972) Malangnya usaha tersebut telah gagal. Pada tahun 1956, Sekolah Tinggi Tamil Appar diwujudkan oleh Jawatankuasa Kuil Sri Maha Mariamman di kawasan Batu Caves. Penubuhan sekolah ini disokong oleh Persatuan Tamil Malaya yang berpusat di Kuala Lumpur. Tujuan asal penubuhan Sekolah

Tinggi Tamil adalah untuk memberi pendidikan Tamil kepada lebih kurang 400 orang pelajar lelaki dan perempuan dengan kemudahan asrama. Ada juga permintaan dari persatuan Tamil agar sekolah seperti Appar diwujudkan di setiap negeri. (Dass, 1972)

Walau bagaimanapun kesemua cubaan dan permintaan untuk mewujudkan sekolah Tamil menengah tidak menjadi kenyataan. Hal demikian kerana apabila Laporan Razak dilaksanakan pada tahun 1957, usaha telah menghalang pengwujudan sekolah Tamil menengah. Laporan Razak menyatakan bahawa sekolah menengah hanya boleh menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Menurut Dass (1972), pelbagai sebab telah dinyatakan atas kegagalan penubuhan sekolah Tamil menengah. Antaranya adalah:

- a) Tiada kesepekatan antara kaum India di Malaya.
- b) Parti politik Kongres India Malaya (MIC) ketika itu tidak berusaha ke arah pengwujudan sekolah Tamil menengah.
- c) Tiada guru-guru berkelayakan untuk mengajar di sekolah menengah. Untuk mengajar di peringkat sekolah menengah seorang guru harus mempunyai ijazah. Malangnya kebanyakan guru Tamil di Malaya pada tahun 50-an hanya belajar setakat darjah 7 sahaja. Usaha membawa guru-guru ijazah dari India, menelan kos yang tinggi.
- d) Masalah untuk mendapatkan buku teks



Walaupun sekolah Tamil menengah tidak dapat diwujudkan, sebagai ganti, Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil dijadikan sebagai mata pelajaran di sekolah menengah. Pelajar juga dibenarkan mengambil Bahasa Tamil di dalam peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE), Overseas School Certificate (OSC), dan Higher School Certificate (HSC).

### 2.2.1 Perkembangan Terkini

Kini, terdapat 523 buah sekolah Tamil di Malaysia. Di tahap satu SJK(T) jumlah masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil adalah 450 minit. Manakala di tahap dua pula sebanyak 300 minit diperuntukkan. Dalam pada itu, Mata pelajaran seperti Moral, Pendidikan Seni, Kajian Tempatan, Kemahiran Hidup dan Pendidikan Jasmani diajar di dalam bahasa Tamil (Mok Soon Sang, 2005). Jadual di bawah menunjukkan peningkatan pelajar di sekolah Tamil dari 1957 hingga sekarang.

**Jadual 9 : Populasi pelajar di sekolah Tamil**

<b>Tahun</b>	<b>1957</b>	<b>1967</b>	<b>1972</b>	<b>1986</b>	<b>1998</b>	<b>2007</b>
Jumlah Pelajar	50766	79205	78758	81051	94907	110,000

*(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia)*

Selepas tamat darjah enam, pelajar Tamil boleh mengambil Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan di sekolah menengah, jika terdapat permintaan daripada 15 orang ibu

bapa India untuk kelas Bahasa Tamil, maka pengetua hendaklah membenarkan kelas Bahasa Tamil dijalankan di sekolahnya. Perkara ini telah terkandung di dalam Ordinan Pelajaran 1952. Pelajar yang mengambil Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan boleh mengambilnya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Peluang untuk mempelajari bahasa ibunda di Malaysia, adalah sesuatu yang sangat dihargai oleh masyarakat India di Malaysia.

### **2.3 Teori pembelajaran.**

Para cendekiawan telah mencipta pelbagai teori dalam usaha membantu para pelajar untuk berjaya di dalam bidang akademik. Antara teori-teori ini teori pembelajaran merupakan salah satu teori yang sangat berguna kepada para pelajar dan masih dikaji oleh para pengkaji sehingga kini. Di dalam teori pembelajaran terdapat mazhab yang utama iaitu mazhab Behavioris, mazhab Kognitif dan mazhab Sosial serta mazhab Humanis.

#### **2.3.1 Teori pembelajaran mazhab Behavioris.**

Pelopor mazhab ini ialah Paulo, Thorndike dan Skinner. Menurut Skinner (1970) perubahan tingkah laku ada kaitan dengan pembelajaran. Menurut mereka proses pembelajaran berlaku apabila gerak balas berkaitan dengan rangsangan bagi membina sesuatu tingkah laku yang baru.

Berdasarkan teori ini, tindak balas yang berlaku adalah berdasarkan rangsangan dan pembelajaran yang berlaku adalah akibat daripada rangsangan dan gerak balas. Sesuatu rangsangan yang berkaitan dengan rangsangan lain akan membentuk pembelajaran yang dikenali sebagai pelaziman.

### **2.3.2 Teori pembelajaran mazhab Kognitif**

Ahli-ahli teori ini adalah seperti Kohler, Bruner, Gangne dan Ausubel. Ahli mazhab kognitif ini berpendapat bahawa pembelajaran adalah suatu proses dalaman yang berlaku dalam akal fikiran secara langsung daripada tingkah laku manusia.

Mengikut teori ini, manusia mempunyai struktur kognitif dan dalam proses pembelajaran otaknya akan menyusun segala maklumat dalam ingatannya. Bagi seorang pelajar, tindakan secara aktif akan dapat memperoleh, menstruktur semula dan mengulangi pengetahuan untuk menjadikannya bermakna.


### 2.3.3 Teori pembelajaran mazhab Sosial dan Humanis

#### 2.3.3.1 Mazhab sosial

Mazhab ini juga dikenali sebagai Neobehavioris. Mazhab ini adalah gabungan mazhab behavioris dengan kognitif. Teori pembelajaran sosial ini melibatkan tiga unsur asas yang utama iaitu individu, persekitaran dan tingkahlaku.

Individu            → keadaan motivasi intrinsik  
Persekitaran      → perangsang luaran  
Tingkah laku      → perlakuan

#### Teori Pembelajaran Sosial



Teori ini menyatakan bahawa ketiga-tiga unsur yang dinyatakan di atas, berinteraksi antara satu sama lain dan dengan ini pembelajaran berlaku. Salah satu tokoh yang terkenal dalam teori sosial ialah Bandura. Bandura (1977) menegaskan

pembelajaran melalui proses pemerhatian atau peniruan. Pelbagai tingkah laku sosial seperti keagresifan, persaingan, peniruan model dan sebagainya adalah hasil pemerhatian daripada gerak balas yang ditonjolkan oleh orang itu. Mengikut teori Bandura, pembelajaran melalui pemerhatian merupakan pembentukan asas tingkah laku terhadap proses dan hasil perubahan tingkah laku orang lain. Seorang individu secara tidak langsung mengalami perubahan tingkah laku tersebut. Bandura mengenal pasti empat unsur utama dalam proses pembelajaran iaitu perhatian, mengingat, reproduksi dan peneguhan.

### **2.3.3.2 Mazhab Humanis**

Tokoh mazhab ini adalah seperti Carl R.Rogers, Abraham H.Maslin, Bugental dan Neil. Ahli-ahli mazhab ini berpendapat bahawa fitra manusia adalah mulia dan baik. Perkembangan individu akan tumbuh secara semula jadi sekiranya persekitaran yang mereka hidup adalah sesuai. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ahli psikologi mazhab humanis mendapati bahawa pembelajaran manusia bergantung kepada emosi dan perasaannya. Mereka berpendapat bahawa setiap individu adalah berbeza dengan individu lain

Mok(2001) menyatakan bahawa kajian teori pembelajaran Mazhab Humanis adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan pengumpulan data. Kebanyakan kesimpulan mereka adalah dipelopori melalui pemikiran falsafah dan logik. Ahli-ahli mazhab ini menekankan kepada aspek afektif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Seseorang pendidik seharusnya memahami, mengkaji dan mengetahui secara mendalam setiap mazhab pembelajaran yang dinyatakan di atas. Pengetahuan yang luas terhadap mazhab-mazhab pembelajaran ini akan membantu para pendidik untuk memilih mazhab yang sesuai untuk para pelajar mereka. Hal ini kerana, di sekolah terdapat pelajar yang mempunyai kecerdasan yang berlainan. Jika seorang guru memahami keadaan pelajar, maka beliau akan menggunakan mazhab pembelajaran yang sesuai untuk mengajar, supaya mendapat pencapaian yang cemerlang.

#### **2.4 Konsep pembelajaran**

Mengikut Kamus Dewan, pembelajaran boleh dimaksudkan sebagai proses belajar untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan melakukan latihan. Menurut Gagne (1984) pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Menurut Gagne lagi, bahawa apa-apa sahaja yang dilakukan oleh manusia yang matang, atau sesuatu yang mampu dilakukan olehnya boleh dianggap sebagai hasil daripada sesuatu pembelajaran.

Woolfolk dan Mccune Nicolich (1980), menyatakan bahawa pembelajaran ialah perubahan dalaman yang berlaku pada seseorang. Pembentukan hubungan kait yang baru atau potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

Biggs (1982), pembelajaran merujuk kepada beberapa perubahan sistematik dalam tingkah laku atau penyusunan tingkah laku yang berlaku hasil daripada pengalaman dalam situasi yang tertentu.

Seifert (1983), menyatakan pembelajaran merangkumi perubahan tingkah laku yang agak kekal disebabkan oleh pengalaman tertentu atau ulangan pengalaman.

Dari pendapat para cendekiawan di atas, dapat menyimpulkan bahawa konsep pembelajaran adalah sesuatu proses yang dilakukan oleh manusia sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam pelbagai keadaan untuk mengetahui dan mempelajari sesuatu yang baru dan penting untuk kehidupan diri sendiri. Jika manusia tidak bertindak ke atas perubahan yang berlaku ke atas diri sendiri, maka dia akan ketinggalan dalam semua aspek.

Dalam pada itu, Saljo (1979), telah mengkaji secara langsung tentang tanggapan atau konsepsi pelajar terhadap pembelajaran. Beliau telah menemu bual 92 orang subjek yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan latar belakang pendidikan. Hasil keputusan penyelidikan menunjukkan bahawa pembelajaran mempunyai 5 cara yang berbeza iaitu,

- a) Pembelajaran sebagai pertambahan dalam pengetahuan
- b) Pembelajaran sebagai menghafal
- c) Pembelajaran sebagai mendapat fakta, prosedur dan lain-lain yang

disimpan dan digunakan dalam tugas

- d) Pembelajaran sebagai mendapat maksud
- e) Pembelajaran sebagai satu proses interpretatif yang bertujuan untuk memahami realiti.

Menurut Rasidi, (2004) hasil kajian Saljo (1982) tidak boleh dianggap sesuatu ciri yang stabil, terbina dalam diri seseorang pelajar. Sebaliknya ia tercetus daripada situasi persekitaran. Pendapat Rasidi disokong oleh pengkaji kerana dalam pembelajaran bahasa Tamil di sekolah Menengah Malaysia, memang wujud satu situasi yang kontradik, di mana pelajar yang sama tingkatan, tetapi belajar Bahasa Tamil dalam dua situasi yang berbeza iaitu dalam waktu sekolah dan di luar waktu sekolah. Dalam keadaan sebegini bagaimana kita boleh mengharapkan satu pencapaian yang baik? Sebaliknya situasi ini telah mengundang pelbagai masalah kepada para pelajar untuk terus belajar bahasa Tamil di sekolah menengah.

Dalam pada itu, Elebland dan Bond (dalam Rasidi, 2004) berpendapat bahawa konsep pembelajaran ini terbina berdasarkan budaya yang merangkumi kehidupan pelajar. Jika pembelajaran yang dijalankan bersesuaian dengan budaya kehidupan pelajar, maka proses pembelajaran itu akan berjalan dengan lancar.



## 2.5 Konsep dan Definisi Sikap (Sikap Pelajar dalam pembelajaran)

Istilah '*attitude*' atau sikap dalam bahasa Malaysia mempunyai lebih daripada satu makna. Sebenarnya perkataan '*attitude*' berasal dari perkataan latin '*aptus*' yang membawa maksud '*fitness*' atau '*adaptedness*'. Ahli psikologi sosial telah mencuba untuk memberi definisi dan interpretasi tentang sikap. Antara berbagai-bagai definisi yang dicadangkan, definisi yang diberi oleh Allport (1935) berjaya memberi satu pengertian yang komprehensif iaitu,

*“An attitude is a mental and neural status of readiness, organized through experience, exerting a directive on dynamic influence to all objects and situations with which it is related”*

Dari pengertian yang diberikan dapat difahamkan bahawa sikap adalah suatu kesediaan mental dan neurel yang tersusun melalui pengalaman, mengarah dan mempengaruhi secara dinamik terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan.

Doob (1947) pula mendefinisikan sikap sebagai,

*..... an implicit, drive-producing response considered socially in the individual society*

Ini bermakna sesuatu yang implisit atau sesuatu yang dibayangkan tetapi tidak dinyatakan secara terus terang, menjadi penggerak kepada tindakan yang dianggap mempunyai perhubungan sosial dalam masyarakat individu itu.

Cohen (1966) pula mendefinisikan sikap sebagai,

*“disposition of man to view things in certain ways and to act accordingly. Attitudes are complexes of ideas and sentiments”.*

Ini bermakna, pandangan terhadap sesuatu perkara oleh manusia berdasarkan pembawaan sesuatu cara dan bertindak sewajarnya. Sikap adalah sesuatu yang kompleks dengan pandangan dan mempunyai sentimen.

Pendapat Lambert and Lambert (1964) adalah seperti berikut

*“ Attitude is an organized and consistent manner of thinking, feeling and acting with regard to people, group, social, issues or more generally any events in ones’s environment”*

Halloran (1967) pula mendefinisikan sikap seperti berikut

*“ ..... sikap terdiri daripada pemikiran, kepercayaan, perasaan dan kecenderungan untuk bertindak balas. Ia adalah cara pemiliran, perasaan dan tindak balas yang tersusun, konsisten dan lazim terhadap orang, kumpulan sosial, isi sosial dan pada umumnya apa sahaja kejadian dalam persekitaran kita”.*

Smith (1973) juga memberi maksud terhadap sikap seperti berikut

*“ Sikap walaupun didefinisikan dengan pelbagai cara, namun kebiasaannya ia digunakan bagi menerangkan disposisi tersirat seseorang mengikut pemikiran, perasaan dan mungkin kecenderungan perlakuan perhubungan dengan sesuatu objek psikologi.”*

Pendapat Thrustone (1927) adalah seperti berikut

*“ Sikap tidak mudah untuk diukur. Antara masalah yang dihadapi dalam pengukuran sikap ialah mungkin dua orang individu mendapat skor yang sama terhadap sesuatu subjek tetapi kedua-dua individu itu datang dari latarbelakang yang berbeza dan tidak mempunyai motivasi yang sama.”*

Berdasarkan definisi-definisi yang kita lihat di atas, jelas digambarkan bahawa sikap mempunyai hubungan langsung dengan tindakan dan gerak balas manusia. Perasaan manusia yang berlainan menentukan sikap masing-masing. Sehubungan dengan hal ini, apabila kita melihat sikap pelajar India terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil ternyata merosot. Hal ini terbukti dalam jadual 8. Jadual ini membuktikan bahawa bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan PMR dan SPM menurun. Pada tahun 2003, jumlah calon PMR adalah seramai 10,646, manakala calon SPM adalah seramai 7,985.

Jika pelajar-pelajar India ini cinta akan Bahasa Tamil, maka sudah tentu mereka mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peringkat SPM walaupun menghadapi

pelbagai cabaran dan rintangan. Sikap yang tidak menghormati bahasa ibunda menyebabkan keadaan ini berlaku.

Kesimpulannya, sikap adalah penting untuk membentuk keperibadian seseorang individu. Bagi seseorang pelajar, sikap yang mereka amalkan akan menjadi pemangkin untuk terus berjaya dalam pelajaran. Maka dia hendaklah mendisiplinkan diri agar sikap yang diamalkan itu membawa kejayaan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

## **2.6 Pencapaian pelajar**

Menurut Kamus Dewan, pencapaian disinonimkan kepada keputusan ataupun kejayaan. Justeru, seseorang pelajar dikatakan mencapai pencapaian yang cemerlang jika pelajar berkenaan mendapat keputusan baik dalam akademiknya. Tahap pencapaian pelajar dalam akademik dipengaruhi pelbagai faktor. Setiap pelajar adalah berbeza dengan satu sama lain. Menurut Curry (1990)

*“ Seperti mana wujudnya perbezaan-perbezaan individu dari segi ketinggian, berat, metabolisma, sikap, minat dan lain-lain sifat manusia, maka terdapat juga perbezaan dalam kalangan pelajar dari segi “bagaimana mereka belajar, pada kadar mana pembelajaran mereka berlaku dan gaya-gaya kognitif yang mereka memilih untuk mempelajari bahan-bahan pembelajaran baru”*

Apabila kita mengambil kira pendapat Curry, maka guru memainkan peranan yang penting dalam pencapaian pelajar. Seorang guru seharusnya menyediakan peluang

pembelajaran kepada pelajar, menyelesaikan masalah yang dihadapinya dan menentukan arah pembelajaran yang hendak ditujui oleh pelajar berkenaan.

Lemlech, (1984) menyatakan bahawa jika seorang guru dapat menguasai teknik pengajaran yang sesuai kepada pelajar maka guru berkenaan dikatakan berjaya dalam pengajaran beliau. Bagi Rahimah (1992) pula, kejayaan guru dapat dilihat dari segi keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran dan bimbingan seorang guru dapat melahirkan murid yang pandai dan berwibawa.

Kajian Albaili (dalam Rasidi, 2004) terhadap 168 orang pelajar di Universiti Arab Emiriah Bersatu dengan menggunakan 'learning and study strategies inventory' (Lassi) mendapati bahawa motivasi menjadi pengaruh dalam membezakan kumpulan pencapaian tinggi dan rendah. Kajian Rossi (1969) menunjukkan pencapaian pelajar mempunyai hubungan langsung dengan pengaruh sekolah dan sikap pelajar.

Fitt (1957) dalam kajiannya di Auckland, New Zealand menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar. Roshel dan Wood (1977) mendapati bahawa sikap pelajar terhadap sekolah dan teknologi mempunyai kaitan yang rapat dengan pencapaian. Jika pelajar mempunyai sikap positif terhadap sekolah dan teknologi, maka pencapaian pelajar dalam akademiknya adalah baik. Manakala jika pelajar bersikap negatif terhadap sekolah dan teknologi pencapaian dalam akademiknya adalah kurang baik.

Ford, (1994) menyatakan bahawa suasana bilik darjah, latihan, guru, penglibatan ibu bapa atau ahli keluarga mempengaruhi pencapaian pelajar. Banks, (1991) menyatakan bahawa gaya pembelajaran guru yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Bagi Lynch, (1992) pula pendapatan keluarga dan kehadiran ibu bapa mempengaruhi pencapaian pelajar.

Pelbagai faktor telah dikemukakan oleh para pengkaji terhadap pencapaian pelajar. Antaranya adalah faktor guru, teknik pengajaran, motivasi, sikap pelajar, penglibatan ibu bapa dan sebagainya. Selain faktor-faktor yang dinyatakan di atas, pengkaji berpendapat bahawa faktor jadual waktu juga memainkan peranan penting untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Kekurangan kajian tentang jadual waktu dan pencapaian sesuatu mata pelajaran menyebabkan pengkaji terdorong untuk melakukan kajian ini.

Kesimpulannya, sikap pelajar mempunyai kaitan secara langsung dengan pencapaian pelajar. Jika pelajar bersikap positif terhadap akademiknya maka sudah pasti pelajar berkenaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai pencapaian yang terbaik. Jika pelajar bersikap negatif perkara sebaliknya akan berlaku.

## **2.7 Kajian tentang pendidikan Tamil di Malaysia oleh pengkaji-pengkaji lain.**

Terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tanah air yang berkaitan dengan pendidikan Tamil di Malaysia. Antaranya adalah seperti berikut.

*Rama Subbiah* (1959) melalui artikelnya dalam jurnal *Tamil Oli* yang bertajuk 'Pendidikan Tamil di Malaya' membincangkan tahap awal pendidikan Tamil di Tanah Melayu. Di dalam artikel berkenaan juga, beliau telah menyatakan tentang sejarah Perkembangan Pendidikan Tamil dan cabaran-cabaran yang pernah dihadapi oleh sekolah Tamil di Tanah Melayu semasa penjajahan British dan selepas merdeka.

*Krishnan,P* (1977), dalam kajiannya 'Teachers Perception of the Reading Comprehension of Tamil Language Textbook' pula memberi tumpuan terhadap persepsi guru-guru tentang komponen bacaan kefahaman dalam buku teks Bahasa Tamil Tahun Enam. Dalam kajian ini, beliau menunjukkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam komponen bacaan iaitu salah satu komponen yang penting dalam dasar pelajaran yang menekankan aspek membaca, menulis dan mengira.

*Thandayuthan,R.* (1993) pula membincangkan 'Pendidikan Tamil di Malaysia'. Beliau juga turut membincangkan sejarah perkembangan Pendidikan Tamil di Malaysia dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pendidikan Tamil serta peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak yang berjuang untuk terus mengekalkan pendidikan Tamil di Malaysia.

Rajagopal, (1991) dalam kajiannya membincangkan persepsi murid terhadap pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati persepsi pelajar terhadap pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah adalah

menggalakkan. Pakas Rao (2005), dalam kajiannya tentang minat membaca bahan kesusasteraan Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan lima mendapati bahawa tahap minat membaca bahan kesusasteraan Tamil dalam kalangan pelajar adalah amat tinggi.

Berdasarkan sorotan kajian, tentang pendidikan Tamil, saya berpendapat bahawa ramai cendekiawan pernah mengkaji tentang Bahasa Tamil dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar Bahasa Tamil di sekolah. Mereka telah mengkaji tentang cabaran Bahasa Tamil di Malaysia, kelemahan dalam komponen bacaan, cabaran menjadikan Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran wajib di sekolah dan persepsi pelajar tentang Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil.

Jesturu, pengkaji ingin melakukan kajian berdasarkan perbandingan pencapaian Bahasa Tamil di sekolah menengah dalam jadual waktu dan di luar jadual waktu.

## **2.8 Kemahiran membaca**

Kemahiran membaca dan menulis adalah dua kemahiran yang penting yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar semasa berada dalam alam persekolahan. Jika mereka gagal dalam penguasaan kemahiran-kemahiran ini, maka mereka boleh dikatakan gagal dalam proses pembelajaran.

Kemahiran membaca dibahagikan kepada dua, iaitu bacaan mekanis dan bacaan mentalis. Bacaan mekanis atau bersuara ialah menyuarakan tulisan dengan suara yang



jas dan terang dengan intonasi dan irama mengikut gaya membaca yang betul dengan mengerakkan alat-alat pertuturan. Bacaan bersuara biasanya dilaksanakan di darjah rendah atau pada peringkat kelas permulaan. Gunanya ialah supaya kanak-kanak dapat membunyikan bunyi-bunyi perkataan dengan sebutan, gaya, dan rentak irama yang betul. (A.Santha,2002)

Bacaan mentalis pula bermaksud bacaan secara senyap iaitu membaca dalam hati atau bacaan tanpa mengeluarkan suara. Jika dibandingkan dengan bacaan bersuara, bacaan senyap lebih pantas dilakukan. Hal ini demikian kerana semasa bacaan senyap beberapa perkara seperti nada suara, sebutan yang jelas dan sebagainya tidak perlu diberi perhatian yang sewajarnya.(A. Santha, 2002)

Ramai telah mengkaji tentang kemahiran membaca dalam kalangan pelajar-pelajar. Antaranya ialah Thorndike (1971). Beliau merumuskan bahawa bacaan adalah taakulan dan beliau memberikan penekanan kepada bacaan senyap. Beliau juga menganggap bacaan adalah satu proses dinamik, satu prosedur yang panjang, memilih butir yang berkaitan dan kerjasama beberapa faktor bagi mendapatkan gerak balas yang muktamad.

Manakala Tay Ah Thau (1979), berpendapat kemahiran membaca patut diajar berdasarkan kemampuan seseorang pelajar cara-cara mengecam idea utama daripada petikan yang dipilih dan kemudian kemampuan pelajar menceritakan semula idea berkenaan dengan perkataan sendiri. Menurut Azman Wan Chik (1989), pelajar perlu

mencari idea penting daripada teks itu sebelum mengesan isi-isi kecil yang lebih terperinci.

Pembacaan adalah satu proses yang berpanjangan. Dalam kalangan kanak-kanak, pembacaan berlaku sejak kecil secara tidak formal. Guru yang mengajar bahasa yang mengajar kemahiran membaca perlu memahami perkembangan kanak-kanak agar proses pembacaan berjalan lancar. Pendedahan kemahiran prabacaan kepada murid-murid penting supaya mereka dapat menguasai kemahiran awal. Justeru, penguasaan prabacaan membantu murid-murid mudah untuk menguasai kemahiran bacaan yang lebih kompleks. (Khadijah, 1995).

Menurut Jais Sahok dan Mat Not Husin (1990), penguasaan kemahiran membaca dianggap sebagai asas bagi mencapai kejayaan dalam semua bidang terutama dalam bidang pendidikan. Masalah kelemahan dalam membaca boleh menggugat pencapaian mutu akademik di negara ini. Jika masalah ini tidak diatasi segera, maka ini akan menjadi masalah yang serius.

## **2.9 Kemahiran menulis**

Kamarudin Hj Husin (1998) menyatakan bahawa kemahiran menulis adalah kemahiran asas yang penting bagi meluahkan buah fikiran dan mempersembahkan luahan isi pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang individu. Menurut beliau lagi, kemahiran menulis penting dalam dunia persekolahan, pekerjaan, dan sosial. Dalam bidang

pendidikan kemahiran menulis diperlukan dalam ujian secara formal bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa bahkan hampir semua mata pelajaran di sekolah. Jika pelajar gagal menguasai kemahiran menulis, maka pelajar berkenaan akan ketinggalan dalam akademiknya. Di peringkat sekolah menengah atas, penguasaan kemahiran sangat-sangat penting kerana hampir 60 peratus peperiksaan SPM dan STPM adalah berdasarkan kemahiran menulis.

Menurut Marohaini Yusoff (1996) dalam keadaan seharian seseorang perlu memahirkan diri dalam kemahiran menulis untuk menulis surat, minit mesyuarat, teks ucapan, pengumuman, laporan dan sebagainya.

Analisis statistik Lembaga Peperiksaan Malaysia (2002) menunjukkan bahawa 50 peratus daripada pelajar yang menduduki peperiksaan tidak menulis dengan baik dalam esei kertas 2. Tambahan lagi 25, peratus daripada pelajar hanya memperolehi markah untuk isi esei dan bukan untuk penerangan. Manakala 25 peratus pelajar langsung tidak faham bahasa secara keseluruhan. (Kumaran, 2006).

Menurut Khadzijah (2005) istilah seperti mengarang, membuat karangan, menulis dan penulisan diberikan kepada kemahiran menulis. Menurut beliau lagi, penulisan adalah urutan ayat-ayat yang disusun dalam susunan tertentu dan berkait antara satu sama lain dengan cara-cara tertentu. Urutan ini mungkin panjang atau pendek, tetapi mengandungi maksud yang jelas dan nyata.

Sehubungan itu, Cooper, (dalam A.Santa, 2002) berpendapat bahawa membaca dan menulis sepatunya dikembangkan sebagai komponen bersama dan tidak sepatutnya diajar sebagai kemahiran yang berbeza. Berdasarkan kenyataan di atas, kita dapat melihat bahawa kemahiran membaca dan menulis adalah sangat penting kepada para pelajar. Kedua-dua kemahiran ini akan menyediakan seseorang pelajar untuk terus maju ke hadapan. Melihat kepentingan kedua-dua kemahiran ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan sukatan pelajaran yang memberi tumpuan yang khusus kepada kemahiran membaca dan menulis. Objektif mata pelajaran bahasa Tamil sekolah menengah adalah seperti berikut. Pada akhir sekolah menengah murid dapat:

- i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan berusaha untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- iii. menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;

- iv. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan bacaan jenis maklumat dan bahan sastera;
- v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan;
- vi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

## **2.10 Kesimpulan**

Rumusannya, pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran Bahasa Tamil perlu di beri perhatian yang sewajarnya. Pelaksanaan kemahiran membaca dan menulis perlu mengambil berat supaya murid dapat menguasai kedua-dua kemahiran ini. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis akan membantu pelajar dalam meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Oleh itu, semua pihak yang bertanggungjawab secara langsung dan tidak langsung harus bekerjasama dalam mengubah taraf pencapaian pelajar agar mencapai keputusan yang membanggakan dalam mata pelajaran Bahasa Tamil.